

D910

U 0695 AAB
HAHATHIR - UCUT

ARAU, 25 J U N (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENAFIKAN TUDUHAN KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG, KONONNYA BELIAU HENGGUNAKAN TAKTIK +MENGUGUT+ APABILA SERING MENGATAKAN BAHAWA NECARA AKAN MENJADI HURU-HARA JIKA RAKYAT MEMILIH KERAJAAN YANG LEMAH.

HENURUT PERDANA MENTERI, KENYATAAN BELIAU ITU BUKAN BERUPA +UGUTAN+ TETAPI SEBALIKNYA SEBAGAI +AMARAN AWAL+ KEPADA RAKYAT MENGENAI APA YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA HEREKA TERSALAH MEMILIH KERAJAAN.

+SAYA BUKAN MENGUGUT TETAPI ADALAH HENJADI TANGGUNGJAWAB SAYA UNTUK MEMBUAT ANALISIS INI. KALAU TERJADI RUSUHAN (KELAK), SAYA YANG BERTANGGUNGJAWAB. SAYA TIDAK HAHU BERTANGGUNGJAWAB SEBAB ITU KITA BERI AMARAN AWAL,+ KATANYA PADA HAJLIS PERJUMPAAN DAN JAHUAN TENGAH HARI DENGAN LEBIH 300 PEGAWAI KERAJAAN, DI KAMPUS INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) DI SINI HARI INI.

BELIAU JUGA BERKATA, PEHBENTUKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG KUAT HERUPAKAN +RAHSIA KEPADA MISTERI KEJAYAAN NEGARA PADA MASA INI.+

KATANYA, SELAIN DARIPADA ITU, KEJAYAAN NECARA TERLETAK KEPADA RAKYAT MALAYSIA YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI +CANGGIH+ KERANA MEMAHAMI KONSEP DAN AMALAN DEMOKRASI. -- LAGI.

1722MST 25 3 6 9 0

D911

U B696 A A B
MAHATHIR - UGUT 2 ARAU

BELIAU BERKATA, KERANA MEMILIKI KEKUATAN ITU, KERAJAAN SANGGUP MENGHADAPI SEGALA MACAM FITNAH YANG DILEMPARKAN KEPADANYA KERANA +RAKYAT TAHU SIAPA YANG PEMBOHONG DAN SIAPA YANG BENAR.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, UNGKAPAN +POLITICAL MASTERS+ TIDAK LAGI SESUAI DIGUNAKAN DALAH KONTEKS KERAJAAN BERDEMOKRASI DI NEGARA INI.

KATANYA, UNGKAPAN-UNGKAPAN SEPERTI ITU DICIPTA DAN DIPERKENALKAN OLEH PENJAJAH KERANA SEMASA PEMERINTAHAN PENJAJAH DAHULU, MEREKALAH YANG SEBENARNYA MENJADI +MASTERS+ DAN RAKYAT NEGARA INI TERPAKSA TUNDUK KEPADA TELUNJUK MEREKA.

KATANYA, KINI, +POLITICAL MASTERS+ DI NEGARA INI BUKAN LAGI AHLI POLITIK TETAPI RAKYATLAH YANG SEBENARNYA HENJADI +MASTERS+ KERANA MEREKALAH YANG MEMILIH KERAJAAN YANG HEREKA MAHU SETIAP LIMA TAHUN SEKALI.

BELIAU JUGA BERKATA, KERAJAAN YANG KUAT TIDAK TAKUT UNTUK MENGAMBIL +TINDAKAN TIDAK POPULAR+ DAN SETIAP TINDAKAN YANG TIDAK POPULAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN ITU BIASAYA ADALAH UNTUK KEMAMPUAN NEGARA. -- LAGI.

1724MST 25 0 6 9 0

D912

UB697 A A B
MAHATHIR - UGUT 3 A R A U

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KERAJAAN MERUPAKAN +SALURAN KEHENDAK RAKYAT+ TETAPI PADA NASA YANG SAMA IA PERLU BERHATI-HATI DALAM MEMBELANJAKAN WANG AGAR NEGARA TIDAK MENJADI HUFLIS.

+NEGARA YANG MUFLIS TIDAK AKAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI LAPORAN AKHBAR YANG TERSIAR HARI INI, YANG HEHETIK BELIAU SEBAGAI MENINGATKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BAHAWA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENYOAL DASAR-DASAR YANG DICADANCKAN OLEH KERAJAAN, BELIAU HENJELASKAN BAHAWA APA YANG BELIAU HAKSUDKAN IALAH PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN AHLI POLITIK MESTILAH TAHU AKAN GARIS PEMISAH DAN HAK BIDANG KUASA TUGAS MASING-MASING DALAM SESEBUAH KERAJAAN DEMOKRASI.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR PERLIS, DR ABDUL HAMID PAWANTEH BERKATA, DASAR KERJA MENGIKUT JADUAL YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SEJAK TIGA TAHUN LEPAS BERJAYA MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PARA PEGAWAI KERAJAAN DI NEGERI INI.

BELIAU BERKATA, SOAL +POLITICAL MASTERS+ TIDAK PERNAH TIMBUL DI PERLIS KERANA KONSEP YANG DIPEGANG OLEH KERAJAAN NEGERI IALAH AHLI POLITIK DAN PECAWAI PENTADBIR ADALAH SALING DOKONG-HENDOKONGI.

PERJUMPAAN DENGAN PARA PEGAWAI KERAJAAN DI NEGERI INI HARI INI MERUPAKAN ANTARA ACARA LAWATAN SEHARI PERDANA MENTERI DAN ISTERI KE PERLIS DALAM SIRI LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA. -- BERNAHA.

1727MST 25 06 90